

Ruj. Kami: ANM.PK.D/600-2/5Jld2 (26)
Tarikh : 14 Disember 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan

PERINGATAN MESRA: MAKLUMAN TARIKH AKHIR PROSES DOKUMEN PESANAN KERAJAAN DAN PERAKUAN 2 ARAHAN PEMBAYARAN BAGI BULAN DISEMBER 2022 (VOT / DANA MENGURUS DAN PEMBANGUNAN)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan, bagi melancarkan proses Penutupan Akaun Kerajaan Persekutuan Tahun 2022, tarikh akhir proses semakan dokumen kewangan yang melibatkan **Vot / Dana Mengurus dan Pembangunan** adalah seperti berikut:

PROSES DOKUMEN	TARIKH	MASA
Pesanan Kerajaan (termasuk kuiiri)	14 Disember 2022	4.00 petang
Arahan Pembayaran (semakan AO)	15 Disember 2022	3.00 petang
Arahan Pembayaran Peraku II (termasuk kuiiri Peraku II)	15 Disember 2022	4.30 petang
Larian bayaran terakhir (peringkat AO)	15 Disember 2022	5.30 petang

3. Sehubungan dengan itu, Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu mematuhi tarikh dan waktu yang ditetapkan seperti di atas. Ketidakpatuhan pada arahan ini akan menyebabkan dokumen kewangan tersebut akan dikuiiri oleh AO.

4. Oleh yang demikian, jabatan dan PTJ perlu memastikan dokumen kewangan di atas berstatus 80, dengan menyemak laporan yang berkaitan supaya proses dokumen adalah lengkap dan sempurna (contoh : Pesanan Kerajaan selesai dibuat pembayaran dan Arahan Pembayaran lengkap dengan nombor *Electronic Fund Transfer (EFT)*).

Kerjasama daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs.Dr./ Tuan/ Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA,
JANM NEGERI PERAK**